



14 Oktober 2021
14 October 2021
P.U. (A) 399

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KAWALAN BEKALAN (PENGECCUALIAN) (PINDAAN) 2021

CONTROL OF SUPPLIES (EXEMPTION) (AMENDMENT) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN BEKALAN 1961

PERINTAH KAWALAN BEKALAN (PENGECUALIAN) (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5A Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Bekalan (Pengecualian) (Pindaan) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Oktober 2021.

Pindaan perenggan 5

2. Perintah Kawalan Bekalan 1991 [P.U. (A) 77/1991], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dengan menggantikan perenggan 5 dengan perenggan yang berikut:

“Pengecualian daripada peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

5. Mana-mana orang yang dalam apa-apa perjalanan perdagangan atau perniagaan membeli barang berjadual yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Ketiga daripada penjual atau pembekal yang dinyatakan dalam ruang (2) bagi kegunaan yang dinyatakan dalam ruang (3) dikecualikan daripada pemakaian peraturan 18 Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.”.

Penggantian Jadual Ketiga

3. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan jadual yang berikut: